

28 MAY 2003

PENULIS MUDA MENANG HADIAH SASTERA KUMPULAN UTUSAN 2002

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Penulis muda, Mohd Faizal Musa, yang dikenali sebagai Faisal Tehrani merangkul hadiah pertama bagi kategori novel remaja Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2002 dengan novelnya berjudul "1515".

Beliau menerima hadiah RM6,000 serta watak penghargaan.

Tempat kedua dengan hadiah RM4,000 dimenangi oleh Zaid Akhtar dengan novelnya, Rona Bosphorus, manakala Sri Rahayu Mohd Yusop yang menulis Merdekakan Cinta Ratna mendapat tempat ketiga dengan hadiah RM3,000.

Sementara itu, kedua-dua hadiah Rencana Sastera dimenangi oleh Sasterawan Negara Datuk A Samad Said menerusi rencana bertajuk "Selera dan Rezeki Sastera" dan "Teater Dunia Yang Mengajar."

Hadiah bagi cerpen umum dan cerpen remaja dibolot oleh Zainal Rashid Ahmad manakala kategori puisi dimenangi Roslizan Yaacob dengan puisi yang bertajuk "Negeriku Merdeka".

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan hadiah kepada para pemenang pada majlis di sini malam ini.

-- BERNAMA

NN HK MOZ